

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
KAWASAN : KAPAR
TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN :

YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tarikh pelaksanaan baik pulih jalan raya di kawasan Parlimen Kapar yang mana peruntukannya telah diluluskan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan di dalam pembentangan belanjawan 2019 yang lepas merupakan kelulusan peruntukan **penyenggaraan rutin** sahaja yang meliputi kerja-kerja seperti penampalan lubang jalan, memotong rumput, mencuci sistem perparitan jalan dan pembetung.

Bagi program **penyenggaraan berkala** jalan Persekutuan, ianya terbahagi kepada dua kategori penyenggaraan iaitu:

- 1) **Penyenggaraan Pavemen Berkala** yang meliputi kerja-kerja turapan jalan seperti menurap semula permukaan jalan; dan
- 2) **Penyenggaraan Bukan Pavemen Berkala** yang meliputi kerja-kerja selain dari turapan jalan seperti mengecat garisan jalan, membaikpulih pembetung, mengganti papan tanda dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi program **penyenggaraan pavemen berkala 2019**, Kementerian telah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Pelaksanaan program penyenggaraan ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Kementerian Kewangan.

Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 8 Mac 2019 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM200 juta untuk seluruh negara daripada RM610 juta peruntukan tambahan yang dipohon Kementerian Kerja Raya. Berdasarkan peruntukan yang diluluskan ini Kementerian Kerja Raya akan memberi keutamaan penyenggaraan pavemen berkala di Kawasan Parlimen Kapar yang akan bermula selewat-lewatnya pada awal April 2019.

Sekian, terima kasih.